



Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) telah menganjurkan Mesyuarat Pemantapan Pegawai Perunding Bahagian Pemeriksaan & Perundingan dan Unit Pemeriksaan & Perundingan Negeri SPRM pada 09 hingga 11 September 2020, bertempat di Hotel Mudzaffar Ayer Keroh, Melaka, yang dihadiri oleh 33 orang pegawai BPMP dan UPMP Negeri.



Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP) bersama-sama pegawai dan kakitangan BPMP telah melakukan pendakian sempena Hari Malaysia di Bukit Melati, Nilai Negeri Sembilan pada 16 September 2020. Aktiviti *hiking* ini julung kali diadakan oleh BPMP bagi menyahut seruan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang menggalakkan setiap bahagian mengadakan aktiviti sukan dan riadah untuk mengekalkan kesihatan dan kecergasan yang baik

Mesyuarat Ketua Cawangan BPMP dan Ketua Unit UPMP SPRM Negeri Siri 8 Bilangan 1 tahun 2020 telah diadakan pada Khamis, 17 September 2020 bertempat di Hotel Sama-Sama KLIA Sepang, Selangor Darul Ehsan. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Shamsun Baharin bin Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM dan dihadiri Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan (BPMP), Timbalan-timbalan Pengarah BPMP, Timbalan-timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Negeri, Ketua-ketua Cawangan BPMP, Ketua-ketua Unit BPMP dan Ketua-ketua Unit UPMP SPRM Negeri.



Seramai 44 orang pegawai Sektor Pencegahan SPRM telah berjaya menamatkan Bengkel *Train Of Trainers* Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Siri 2 yang diadakan pada 28 hingga 30 September 2020 bertempat di Hotel Concorde, Shah Alam Selangor. Bengkel yang dikendalikan oleh PKPj Hamidah Aziz selaku penceramah dibantu oleh PsK Ku Syazwani dan Ps Muhammad Nazirudin bin Jamaludin selaku fasilitator ini bertujuan untuk melatih sebahagian lagi pegawai-pegawai Sektor Pencegahan berkaitan pengurusan dan pengendalian Bengkel CRM dan OACP, di mana pada akhirnya, para peserta selepas ini akan dilantik sebagai Fasilitator bagi bengkel-bengkel CRM dan OACP yang sebenar.



## BENGGEL OACP & CRM SEPANJANG SEPTEMBER 2020

